

I-PLAN

Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu

Dokumen Manual Pengguna



Paparan Utama

1. Buka pautan <https://iplan.planmalaysia.gov.my/> . Halaman utama bagi i-Plan adalah seperti yang terpapar di rajah bawah




Capaian ke Modul Kawalan Perancangan dan Penganalisaan (MKPPS)


Terdapat tiga cara untuk ke capaian MKPPS iaitu dari halaman utama, pemetaan interaktif dan Dashboard.

1. Capaian ke MKPPS dari halaman utama

i. Klik menu **Perkhidmatan** dan pilih **Modul Kawalan Perancangan dan Penganalisaan Spatial**



ii. Sistem akan memaparkan paparan utama MKPPS seperti rajah di bawah




2. Capaian ke MKPPS dari halaman Pemetaan Interaktif


i. Klik **Perkhidmatan** dan seterusnya pilih **Pemetaan Interaktif**




ii. Sistem akan memaparkan paparan halaman Pemetaan Interaktif seperti rajah di bawah



iii. Kemudian, pergi ke menu **Toolbar** di bahagian atas halaman dan klik pada **Modul Analisis**.



iv. Sistem akan memaparkan paparan utama MKPPS seperti rajah di bawah.




3. Capaian ke MKPPS dari halaman Dashboard

- i. Daftar masuk dengan klik pada menu **Log Masuk** dan masukkan **No Kad Pengenalan** yang didaftarkan serta **kata laluan** di ruangan Kata Laluan.



- ii. Klik butang **Log Masuk** dan paparan yang muncul adalah seperti rajah di bawah.



- iii. Kemudian, klik pada menu **Modul Kawalan Perancangan dan Penganalisan Spatial** dan di sub menunya pilih **Papar Modul**.

The screenshot shows the I-Plan web application interface. The user is logged in as 'azrul SuperAdmin'. The main menu on the left includes 'Utama', 'Dashboard Labuan', 'Pemetaan Interaktif', 'Modul Kawalan Perancangan dan Penganalisan Spatial', 'Papar Modul' (highlighted with a red box), 'Kawalan Perancangan', 'Garis Panduan Kecerunan dan Ketinggian', 'Pengurusan Gunatanah', 'Pengesahan', 'Repositori', 'Pengurusan Lapisan', and 'Penurusan Penoona'. The main content area displays the 'RUMUSAN PECAHAN GUNATANAH' section with filters for 'NEGERI' (SEMUA NEGERI), 'TAHUN' (2019), 'DAERAH' (SEMUA DAERAH), and 'MUKIM' (SEMUA MUKIM). Below the filters are two tables: 'STATISTIK GUNATANAH SEMASA' and 'STATISTIK GUNATANAH KOMITED', both showing a total of 100.00% for 'JUMLAH'. A footer contains copyright information for 2021 and version v5.2.0.

- iv. Paparan halaman MKPPS adalah seperti rajah di bawah.

The screenshot shows the MKPPS web application interface. The user is logged in as 'Azrul SuperAdmin'. The main menu on the left includes 'Modul Kawalan Perancangan', 'Modul Penganalisan Spatial', and 'Manual Pengguna'. A 'Penafian!' (Disclaimer) dialog box is overlaid on the map, containing the following text:

Penafian !

Semua maklumat dan data yang dipaparkan atau diterbitkan di dalam sub-modul ini adalah untuk tujuan rujukan umum sahaja. Setiap maklumat yang dipaparkan adalah hak milik agensi sumber, dan tertakuk kepada perubahan tanpa sebarang notis. Jika terdapat percanggahan maklumat, maka maklumat dari jilid-jilid rasmi seperti Rancangan Fizikal, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan, atau Garis-garis Panduan Perancangan semasa adalah terpakai dan diutamakan.


Pihak PlanMalaysia tidak menjamin mana-mana maklumat yang terkandung di dalam sub-modul ini adalah lengkap, terkini atau tepat. Justeru itu, apa-apa kerugian atau kehilangan yang disebabkan oleh penggunaan mana-mana maklumat atau pernyataan dari sub-modul ini, adalah diluar daripada tanggungjawab pihak PlanMalaysia.

Sebarang pertanyaan berkaitan maklumat di dalam sub-modul ini boleh dipanjangkan kepada bmg@planmalaysia.gov.my

Lanjut


Pemetaan Interaktif Modul Kawalan Perancangan dan Penganalisaan Spatial

Apabila ketiga-tiga cara capaian ke MKPPS diteruskan lagi dengan mengklik **Lanjut**, paparan sebenar MKPPS yang menggunakan elemen pemetaan interaktif sebagai medium penyampaian maklumat adalah seperti yang ditunjukkan di rajah di bawah.



1. Pemilihan Kawasan (Filter)


- i. Untuk membuat pemilihan kawasan kebiasaannya satu paparan mengenai **Sempadan Pentadbiran** akan muncul di paparan modul atau pengguna boleh klik butang **Buka Tetapan Carian** dan paparan **Sempadan Pentadbiran** akan muncul di skrin. Isikan butiran seperti di bawah dan kemudian klik **Hantar**.
 - **Negeri Perak**
 - **Daerah Hilir Perak**
 - **Mukim Bagan Datuk**




- ii. Paparan peta gunatanah akan dipaparkan di skrin bagi kawasan yang dipilih.




2. Zoom In/Out

- i. Untuk melihat sesuatu paparan tempat secara lebih dekat, klik butang **Zoom in** . Rajah di bawah menunjukkan peta yang sudah di Zoom in.




- ii. Manakala, untuk mengecilkan paparan, di kawasan yang sama, klik butang **Zoom out** . Rajah di bawah menunjukkan peta yang sudah di Zoom out.




3. Penukaran Peta Dasar (Basemap)

- i. Untuk menukar peta dasar, klik pada butang  dan pilih peta dasar yang bersesuaian.



- ii. Untuk paparan seperti rajah di bawah ini, peta dasar **Open Street Map** telah dipilih.






4. Paparan Lapisan Data

i. Untuk memaparkan lapisan data-data atau informasi yang berkaitan dan tujuan, klik butang

Buka Senarai Layer 


ii. Satu paparan Lapisan Data akan muncul di skrin seperti rajah di bawah.




iii. Di sini pengguna dapat **mengaktifkan**  dan **menyahaktifkan**  lapisan data atau maklumat yang ingin dipaparkan di atas peta interaktif.

5. Muatnaik Data ke Peta Interaktif Secara *On-The-Fly*


- i. Pada paparan Lapisan Data yang sama, skrol ke bawah dan klik pada **Tambahan Lapisan Dinamik**. Pilih data yang ingin dimuat naik. Data mestilah di dalam format (.zip atau .kml) dan klik **Hantar**




- ii. Data bagi daerah Hilir Perak telah berjaya di tambah masuk ke atas peta.




6. Paparan Maklumat Melalui *Infobox*

i. Klik butang **Info**  dan klik pada kawasan yang ingin dipaparkan maklumat atau data tentangnya.

ii. Senarai data untuk kawasan tersebut akan terpapar dalam *infobox*




iii. Kemudian, klik pada pilihan data-data yang dipaparkan jika ingin memaparkan maklumat tentang kawasan tersebut secara lebih terperinci.



7. Cetak Peta

i. Pada paparan peta interaktif, pilih ikon **Print Map**  untuk mencetak peta yang dipaparkan.


ii. Di paparan **Print** pilih save to **PDF**, **Orientation** dan **Save**.




Sub Modul Kawalan Perancangan (SMKP)

1. Akses kepada SMKP

i. Pergi ke menu utama dan klik **Modul Kawalan Perancangan**




ii. Paparan atau sidebar Modul Kawalan Perancangan akan muncul di sebelah kanan skrin.




2. Melaksanakan Carian Lot


- i. Pada sidebar Modul Kawalan Perancangan, klik pada butang **Carian** dan isikan butiran berikut seperti di bawah dan kemudian tekan butang **Hantar**.
 - **Negeri Kelantan**
 - **Daerah Kuala Krai**
 - **Mukim Kuala Geris**
 - **No Lot 617**




- ii. Paparan pada peta interaktif menunjukkan Peta Gunatanah bagi kawasan dipilih serta maklumat mengenai lot tersebut di sidebar SMKP.





3. Melaksanakan Carian (Pilihan Secara Klik)

- i. Klik pada butang 
- ii. Kemudian klik pada lot yang diinginkan di atas paparan peta. Paparan pada peta interaktif menunjukkan Peta Gunatanah bagi kawasan dipilih serta maklumat mengenai lot tersebut di sidebar SMK.



4. Semakan Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan


- i. Klik pada butang 
- ii. Klik pada lot yang diinginkan di atas paparan peta dan semak paparan kelas kegunaan tanah dan bangunan yang dipilih. Semakan kelas kegunaan tanah dan bangunan tersebut boleh di paparkan secara besar dan boleh download.




Sub Modul Analisis Kecerunan dan Ketinggian (AKK)

1. Akses kepada AKK

- i. Klik pada **Modul Penganalisaan Spatial** pada menu utama dan pilih sub menu nya **Analisis Kecerunan dan Ketinggian**.



- ii. Sidebar Sub Modul AKK akan dipaparkan di sebelah kanan skrinseperti dalam rajah di bawah.



2. Pemilihan Kawasan Analisis (Filter)



- i. Pada paparan interaktif klik butang **Carian** untuk memilih kawasan analisis.
- ii. Pada paparan **Sempadan Pentadbiran**, isikan maklumat berikut seperti di bawah dan kemudian tekan butang **Hantar**.
 - **Negeri Kedah**
 - **Daerah Langkawi**
 - **Mukim Kuah.**

The screenshot displays the PLAN Malaysia web application interface. On the left is a dark blue sidebar with the logo and navigation menu. The main area features a map with a 'PETUNJUK' button. Two panels are overlaid on the map:


- Sempadan Pentadbiran**: A white panel with three dropdown menus: 'Negeri' (Kedah), 'Daerah' (Langkawi), and 'Mukim' (Kuah). Below these are 'Batal', 'Hapus', and 'Hantar' buttons.
- Analisis Kecerunan dan Ketinggian**: A purple panel with 'Penafian' at the top. It contains two dropdown menus: 'Kategori Ketinggian Tanah' (Pilih Kategori Ketinggian) and 'Kelas Kecerunan Tanah' (Pilih Kelas Kecerunan). Below these is a 'Jalankan Analisis' button. A section titled 'GPP PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT DAN TANAH TINGGI' contains two input fields for 'Kecerunan' and 'Ketinggian'. At the bottom, there is a 'Hantar' button and a 'JENIS PEMBANGUNAN' section with a paragraph of text.

iii. Peta Interaktif akan zoom ke kawasan yang dipilih.


The screenshot displays the PLAN Malaysia web application interface. On the left is a blue sidebar menu with the following items: 'Selamat Datang , Azrul SuperAdmin', 'Modul Kawalan Perancangan', 'Modul Penganalisan Spatial', 'Analisis Kecerunan dan Ketinggian', 'Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar', 'Analisis Kesediaan Tanah & Kesesuaian Tanah', and 'Manual Pengguna'. The main area features a map of Malaysia with a yellow arrow pointing to a specific region. A 'Menu' button is located at the top left of the map area. On the right, a panel titled 'Analisis Kecerunan dan Ketinggian' is open, containing a 'Penafian' section with two dropdown menus: 'Kategori Ketinggian Tanah' and 'Kelas Kecerunan Tanah'. Below these is a 'Jalankan Analisis' button. The panel also displays the text 'GPP PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT DAN TANAH TINGGI' and two input fields for 'Kecerunan' and 'Ketinggian'. A 'Hantar' button is positioned below the input fields. Underneath, a section titled 'JENIS PEMBANGUNAN' contains a paragraph of text: 'Pengguna sistem akan mendapat maklumat terkini kelas aktiviti kegunaan gunatanah dari Rancangan Tempatan daripada ruang carian.' At the bottom of the map, coordinates are shown as 'Lat: 6.236808, Lng: 99.822121' and a scale bar indicates '3 km' and '2 mi'.

3. Paparan Peta Pengelasan Ketinggian

- i. Di ruangan **Kategori Ketinggian Tanah** pada sidebar, pilih **Empat Kategori Ketinggian**. Jika diruangannya tidak kelihatan, tukar Kelas Kecerunan kepada pilihan selain Empat Kelas Kecerunan. Klik butang **Jalankan Analisis**.




- ii. Di Sidebar akan memaparkan statistik untuk analisis tersebut. Manakala, peta interaktif akan memaparkan Kategori Ketinggian Tanah bagi kawasan yang dipilih. Tutup lapisan data yang tak diinginkan.




4. Paparan Peta Pengelasan Kecerunan

- i. Di ruangan **Kelas Kecerunan Tanah** pada sidebar AKK, pilih **Empat Kelas Kecerunan**. Jika diruangannya tidak kelihatan, tukar Kategori Ketinggian Tanah kepada pilihan selain Empat Kelas Ketinggian. Klik butang **Jalankan Analisis**.




- ii. Di Sidebar akan memaparkan statistik untuk analisis tersebut. Manakala, peta interaktif akan memaparkan Kelas Kecerunan Tanah bagi kawasan yang dipilih.




5. Paparan Peta Pilihan Ketinggian dan Kecerunan

- i. Di ruangan Kategori Ketinggian Tanah pada sidebar, pilih **Kategori Ketinggian Tanah** dan pilih **Kelas Kecerunan Tanah** yang diinginkan



- ii. Klik butang **Jalankan Analisis**. Sidebar AKK akan memaparkan statistic bagi analisis tersebut. Manakala, peta interaktif memaparkan kelas kecerunan yang terbahagi kepada **Dalam Kawasan** (Kawasan dengan kriteria yang dipilih) dan **Luar Kawasan** (Kawasan bukan kriteria yang dipilih)



6. Semakan Garis Panduan Perancangan Pembangunan

- i. Skrol ke bawah sidebar, pada Garis Panduan Perancangan Pembangunan, masukkan nilai Kecerunan dan Ketinggian di ruangan yang disediakan. Seterusnya klik **Hantar**

Kategori	Keluasan (km ²)	Peratus Keluasan
Dalam Kawasan	4.422	2.733
Luar Kawasan	81.526	50.383

- ii. Jadual Garis Panduan Pembangunan akan memaparkan kriteria pembangunan dan garis panduan bagi kecerunan dan ketinggian yang dipilih.

JENIS PEMBANGUNAN

Tanah Tinggi (300m-1,000m)

Boleh dipertimbangkan untuk rekreasi berimpak rendah yang tidak melibatkan mendiri struktur pembinaan. Contohnya boleh dipertimbangkan bagi tapak perkhemahan dan lain-lain aktiviti pemeliharaan.

SYARAT-SYARAT


Dokumen yang perlu dirujuk:

- a. Akta 172, kaedah-kaedah, RFN, RS, RT, RKK, garis panduan dan piawaian perancangan, kawalan perancangan;
- b. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984;
- c. Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodakan, 1996 (JAS);
- d. Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun, 2000 (Jabatan Pertanian Malaysia);
- e. Bab 47 dalam Manual Saliran Mesra Alam Malaysia 2000 (JPS);
- f. Garis Panduan Zon Bahaya bagi Bukit Batu Kapur, 2003 (JMG);
- g. Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Tanah Tinggi 2005 (KSAS), (JPBD);
- h. Guideline on Slope Maintenance In Malaysia, JKR August 2006;
- i. Manual Pemetaan Geologi Terain, 2006 (JMG);


Sub Modul Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar (AKSAS)

1. Akses kepada AKSAS


- i. Klik pada menu **Modul Penganalisaan Spatial** dan pilih sub menu nya **Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar**.




- ii. Sidebar AKSAS akan dipaparkan di sebelah kanan skrin seperti dalam rajah di bawah.




2. Paparan KSAS Mengikut Sempadan


- i. Pada peta interaktif, klik butang **Carian**  untuk memilih kawasan analisis.
- ii. Pada paparan **Sempadan Pentadbiran**, klik **Pihak Berkuasa Tempatan**. Kemudian isikan butiran seperti di bawah dan klik butang **Hantar**.
 - **Negeri Kedah**
 - **PBT Majlis Daerah Sik**



- iii. Paparan pada peta akan memaparkan peta KSAS bagi kawasan yang dipilih dan klik **Jalankan Analisis**.



- iv. Pada sidebar akan memaparkan statistik nilai keluasan. Mnakala pada peta interaktif memaparkan peta KSAS yang dipilih.




3. Paparan Data Sokongan KSAS

i. Pada paparan peta interaktif, klik butang **Senarai Layer**



ii. Di paparan Lapisan Data, hidupkan atau aktifkan lapisan data yang bersesuaian.




The screenshot displays the PLAN Malaysia web application interface. On the left, a navigation menu lists various modules, including 'Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar'. The main area shows a map with a layer list overlay on the left. The layer list includes categories like 'Aras Laut', 'CFS', 'Hutan', 'IBA', 'Penyu', 'Perlindungan', 'Pulau', 'Tadahan', 'Taman Laut', 'Warisan', and 'Analisis KSAS'. Each layer has an 'Opacity' slider and a toggle switch. The 'Analisis KSAS' layer is currently active. On the right, a panel titled 'Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar' shows a 'Penafian' button, a 'Jalankan Analisis' button, and a 'Statistik Nilai Keluasan (Pie-Chart)'. The pie chart shows three stages: Tahap 1 (dark green), Tahap 2 (medium green), and Tahap 3 (light green). Below the chart is a table titled 'KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR' with columns for 'KSAS', 'Keluasan (km²)', and 'Peratus Keluasan'.


KSAS	Keluasan (km²)	Peratus Keluasan
Tahap 1	844.274	51.317
Tahap 2	427.137	25.658
Tahap 3	427.137	25.658

4. Paparan Maklumat Lapisan Data

- i. Klik pada ikon **info**  dan pilih kawasan yang diinginkan
- ii. Senarai data akan terpapar di **Infobox**




- iii. Pilih **data tab** yang ingin dipaparkan dan di **infobox** akan dipaparkan maklumat data bagi Kawasan tersebut seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.




Sub Modul Analisis Kesediaan Tanah (Land Availability)

1. Akses kepada Sub Modul Analisis Kesediaan Tanah


- i. Klik pada menu **Modul Penganalisan Spatial** di menu utama dan pilih sub menu nya **Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Tanah**



- ii. Sidebar sub modul Analisis Kesediaan Tanah akan dipaparkan di skrin seperti dalam rajah di bawah.




2. Pemilihan Kawasan Analisis (Filter)


i. Klik butang Carian  untuk memilih kawasan analisis.

ii. Pada paparan **Sempadan Pentadbiran**, buat pilihan carian seperti yang diberikan di bawah ini dan kemudian klik butang **Hantar**.

- **Negeri Pulau Pinang**
- **Daerah Timur Laut**
- **Mukim Georgetown**




iii. Peta interaktif akan zoom ke kawasan yang dipilih seperti rajah di bawah.




3. Jalankan Analisis Kesiediaan Tanah


- i. Di sidebar AKKT, turunkan pilihan **Jenis Analisis** dan pilih **Kesiediaan Tanah**.



- ii. Pilihan *checkbox* akan terpapar. Pilih sekurang-kurangnya satu *checkbox* bagi pilihan **Kawasan yang Tidak Boleh Dibangunkan** atau tandakan semua. Kemudian pilih sekurang-kurangnya satu *checkbox* bagi pilihan **Kawasan yang Hendak Dibangunkan** atau tandakan semua




- iii. Klik butang **Jalankan Analisis**. Peta interaktif dan sidebar akan memaparkan pengelasan kawasan yang boleh dibangunkan, boleh dibangunkan dengan syarat dan tidak boleh dibangunkan




Sub Modul Analisis Kesesuaian Tanah (*Land Suitability*)

1. Jalankan Analisis Kesesuaian Tanah


i. Di sidebar AKKT, turunkan pilihan Jenis Analisis dan pilih Kesesuaian Tanah.




ii. Pilihan *checkbox* akan terpapar. Pilih sekurang-kurangnya satu *checkbox* bagi pilihan **Kawasan yang Tidak Boleh Dibangunkan** atau tandakan semua. Kemudian pilih sekurang-kurangnya satu *checkbox* bagi pilihan **Kawasan yang Hendak Dibangunkan** atau tandakan semua



- iii. Pada sidebar, skrol ke bawah dan **tetapkan skala dan pemberat** di ruangan **Pilihan Faktor kesesuaian pembangunan** atau gunakan pemberat yang sedia ada.



- iv. Klik butang **Jalankan Analisis**. Peta interaktif dan sidebar akan memaparkan pengelasan kawasan yang boleh dibangunkan, boleh dibangunkan dengan syarat dan tidak boleh dibangunkan



-TAMAT-